



ARKIB NEGARA MALAYSIA
NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN SENI DAN BUDAYA MALAYSIA
MINISTRY OF TOURISM ART AND CULTURE MALAYSIA
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50568 KUALA LUMPUR



Tel: 603-6209 0600
Faks: 603-6201 5679
Portal Rasmi: www.arkib.gov.my

SIARAN MEDIA

PROGRAM *CITIZEN ARCHIVIST*

KUALA LUMPUR: 5 November 2020 – Arkib Negara Malaysia adalah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia buat julung kalinya memperkenalkan Program *Citizen Archivist*. Program yang dilaksanakan menggunakan platform atas talian bertujuan mendapatkan maklumat daripada orang ramai untuk melengkapkan fakta bagi pelbagai bahan dalam koleksi Arkib Negara Malaysia.

Sejak tahun 1957, Arkib Negara Malaysia merupakan pusat penyimpanan warisan khazanah Negara. Sehingga kini terdapat lebih kurang 11.7 juta bahan arkib yang terdiri dari pelbagai bentuk dan jenis seperti fail, surat menyurat, terbitan, filem, pita video, kaset, foto, poster, mikrofilem dan sebagainya. Semua bahan ini adalah merupakan memori dan identiti negara yang amat bernilai yang menjadi tanggungjawab Arkib Negara untuk memelihara kekal ia sebagai bahan bukti perjalanan dan pentadbiran Negara serta sejarah yang dilalui. Bahan arkib ini penting untuk dikongsi kepada semua kerana ia adalah sumber primer dan sahih yang boleh diguna dan dirujuk oleh orang awam.

Arkib Negara juga bertanggungjawab untuk memastikan bahan-bahan arkib yang disimpan mempunyai maklumat lengkap dan tersedia untuk rujukan. Walau bagaimanapun, tidak semua bahan yang diperolehi oleh Arkib Negara lengkap dari segi maklumat dan bahan untuk dirujuk oleh semua.

Di bawah Program *Citizen Archivist* ini terdapat segmen iaitu “**Lengkapkan Cerita Ini**” membolehkan orang ramai menyumbang fakta atau maklumat dengan melengkapkan deskripsi yang mereka ketahui bagi bahan gambar, peristiwa, tokoh

yang terlibat, tarikh, tempat dalam koleksi Arkib Negara untuk dikongsi kepada semua. Segmen ini akan dibuat secara berperingkat mengikut kategori gambar atau bahan yang kerap dirujuk oleh pengguna arkib tetapi tiada kapsyen ataupun maklumat tidak lengkap.

Program ini mengalakkan orang awam dari dalam atau luar negara untuk sama-sama membantu Arkib Negara dalam memastikan bahan arkib yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara tersedia untuk rujukan dan penyelidikan. Contoh sumbangan adalah seperti melengkapkan kapsyen gambar dan bahan, membuat transliterasi surat dan dokumen bertulisan Melayu-Jawi, Cina dan Tamil atau mentranskriba Sejarah Lisan dari pita-pita rakaman dan pelbagai lagi.

Program ini memerlukan sokongan dan bantuan orang ramai untuk memastikan bahan yang tersimpan di Arkib Negara tersedia untuk diakses. Sumbangan yang diberikan akan dapat membantu orang ramai khususnya penyelidik untuk mencapai dan mengakses bahan seterusnya membantu mempertingkatkan nilai kajian serta menyebarkan fakta sahih mengenai negara ini.

Orang ramai yang berminat menyertai Program *Citizen Archivist* boleh melayari portal rasmi Arkib Negara di www.arkib.gov.my dan media sosial rasmi di Facebook, Twitter dan Telegram bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai projek ini. Aplikasi *Online Finding Aid* (OFA) ofa.arkib.gov.my akan digunapakai sebagai platform untuk orang awam mendaftar seterusnya membantu menyediakan atau melengkapkan kapsyen bahan gambar terpilih.

ARKIB NEGARA MALAYSIA 5 NOVEMBER 2020

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: -
Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi
Arkib Negara Malaysia, Jalan Tuanku Abdul Halim
50568 Kuala Lumpur
Tel: 03-6209 0671/0672/0673/0674
Faks: 03-6201 5679
Emel: pro@arkib.gov.my